

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 75)**

30 MAC 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)**

NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

Soalan No : 8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]

TARIKH : 30.3.2015

SOALAN :

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan Sekolah U10 dan menjelaskan mengapa kos pembinaannya sebanyak RM11.9 juta begitu tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status terkini pembinaan projek Sekolah Kebangsaan Puncak Perdana di kawasan U10, Shah Alam sehingga Januari 2015 adalah pada tahap 85 peratus. Kos pembinaannya adalah tinggi kerana melibatkan kos kerja-kerja tanah (*Earth Work*) yang berjumlah sebanyak RM1.7 juta disebabkan tapak pembinaan berada di kawasan berbukit dan berbatu.